

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2019

$2\frac{1}{2}$ jam

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2019

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

1
1
0
3
—
2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Kertas soalan ini mengandungi 21 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2019

Soalan 1 : Rumusan

Markah penuh 30 dibahagi kepada

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi [20 markah]****Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
 - nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah Maksimum
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
	Jumlah Markah									20

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / inisiatif-inisiatif / kaedah-kaedah / tindakan-tindakan menggalakkan industri tumbuhan herba di negara kita / di Malaysia / dalam kalangan masyarakat.	2
P2 Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / inisiatif-inisiatif / kaedah-kaedah/ tindakan-tindakan menggalakkan industri tumbuhan herba dan kegunaan tumbuhan herba dalam kalangan masyarakat dahulu.	2
P3 Rumusan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / inisiatif-inisiatif / kaedah-kaedah / tindakan-tindakan menggalakkan industri tumbuhan herba dan kebaikan tumbuhan herba dalam bidang perubatan.	2
P4 Rumusan / Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / inisiatif-inisiatif / kaedah-kaedah / tindakan-tindakan menggalakkan industri tumbuhan herba.	1
P5 Petikan / Rumusan membincangkan <i>usaha-usaha</i> menggalakkan industri tumbuhan herba dan kebaikan tumbuhan herba dalam bidang perubatan.	0
P6 Petikan / Rumusan membincangkan <i>usaha-usaha</i> menggalakkan industri tumbuhan herba.	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

Usaha-usaha menggalakkan industri tumbuhan herba	Markah
S1 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil langkah proaktif menjalankan penyelidikan mengenai tumbuhan herba.	2
S2 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani / Kementerian ini juga mengadakan kempen secara besar-besaran berkaitan penanaman tumbuhan herba.	2
S3 Agensi berkaitan pertanian telah mewujudkan taman-taman herba.	2
S4 Universiti Putra Malaysia telah menubuhkan Taman Konservatori Pertanian.	2
S5 UPM dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) telah bekerjasama menjalankan penyelidikan makmal secara klinikal.	2
S6 UPM telah menganjurkan Bengkel Pengenalan Tumbuhan Ubat-ubatan.	2
S7 Semua kerajaan tempatan disarankan membuat landskap tanaman herba di kawasan majlis perbandaran masing-masing.	2
S8 Orang ramai juga digalakkan menanam tumbuhan herba di pekarangan rumah mereka.	2
S9 Jabatan Pertanian akan memberikan pendidikan penanaman herba secara praktikal.	2

[Lihat halaman sebelah

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**Kebaikan tumbuhan herba dalam bidang perubatan**

- | | Markah |
|---|---------------|
| T1 Tumbuhan herba kurang kesan sampingan. | 2 |
| T2 Tumbuhan herba lebih murah / kos murah. | 2 |
| T3 Tumbuhan herba mudah didapati. | 2 |
| T4 Tumbuhan herba bebas daripada bahan kimia. | 2 |
| T5 Tumbuhan herba sebagai perubatan alternatif. | 2 |
| T6 Mempercepat kesan penyembuhan. | 2 |
| T7 Menjadi makanan gantian kepada pesakit tertentu. | 2 |
| T8 Meningkatkan daya tahan badan / tahap imunisasi. | 2 |

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan [2 markah]

- | | Markah |
|--|---------------|
| K1 Kesimpulannya, kerajaan hendaklah memajukan industri tumbuhan herba agar industri ini boleh berkembang maju di peringkat yang lebih tinggi. | 2 |

- | | |
|---|---|
| K2 Kesimpulannya, kita hendaklah memajukan industri tumbuhan herba. | 1 |
|---|---|

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Lihat halaman sebelah

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 8	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 5	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan.

Nota:

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Maksimum : 10 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2

Markah penuh **35 markah** dibahagikan kepada

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**1. Soalan 2 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(a) : Petikan Umum**Markah****(i) Maksud rangkai kata *menyerahkan potensi***

- Memperlihatkan / menampakkan / menonjolkan kebolehan / keupayaan / kemampuan. 2
- Menyerahkan kebolehan / keupayaan / kemampuan. 1
- Memperlihatkan / menampakkan / menonjolkan potensi. 1

[Maksimum : 2 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(ii) Kegunaan-kegunaan tumbuhan herba**

- P1 sebagai bahan ubat-ubatan untuk merawat penyakit. 1
 P2 makanan tambahan untuk menguatkan tenaga. 1
 P3 digunakan dalam masakan bagi menyedapkan rasa masakan. 1

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Penggunaan herba dalam perubatan tradisional kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat pada hari ini kerana**

- P1 kurang maklumat sehingga orang ramai tidak mengetahui kemampuan perubatan tradisional dalam merawat sesuatu penyakit. 1
 P2 masyarakat kurang yakin akan perubatan tradisional untuk merawat penyakit kerana kaedah perubatan ini dianggap ketinggalan zaman/konservatif. 1
 P3 premis/ pusat rawatan yang kurang selesa menyebabkan orang ramai kurang berminat untuk mendapatkan rawatan perubatan tradisional. 1
 P4 perkhidmatan perubatan tradisional banyak terdapat di kawasan luar bandar dan jauh sehingga menyukarkan orang ramai untuk pergi ke tempat itu. 1
 P5 layanan para pengamal perubatan tradisional yang kurang cekap atau mesra menyebabkan orang ramai tidak tertarik dengan perubatan ini. 1
 P6 sebahagian perubatan tradisional bercampur dengan unsur-unsur khurafat / bertentangan agama sehingga masyarakat menjauhi kaedah perubatan ini. 1
 P7 kaedah penyediaan/ rawatan kurang bersih menyebabkan pesakit kurang yakin dengan perubatan ini. 1
 P8 terdapat unsur penipuan dalam kaedah perubatan tradisional menyebabkan masyarakat takut untuk menjalani kaedah perubatan tradisional. 1
 P9 Pengusaha produk tiada kelayakan khusus / tidak diiktiraf / tidak mendapat khidmat nasihat daripada pakar perubatan. 1
 (Sebab yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

(Jika calon mengemukakan isi berserta huraihan - isi cukup 2 [1+1])**(Jika calon mengemukakan isi tanpa huraihan – isi cukup 3)****[Maksimum : 4 markah]****[Lihat halaman sebelah**

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden**Markah****(i) Punca-punca kehebatan nenek moyang menurut sejarawan**

- P1 agama anutannya berpaksikan akidah yang satu. 1
 P2 bahasa ibunda menjadi wacana penghubung semua rakyat pelbagai keturunan dan golongan. 1
 P3 ketaatan dan kepatuhan kepada raja yang memerintah dengan adil dan saksama. 1

[Maksimum : 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Kesan-kesan yang akan berlaku di kampung apabila anak muda berhijrah ke kota

- P1 Tanah / kebun / ladang / rumah pusaka terbiar / tidak diusahakan / kosong. 1
 P2 Kehidupan ibu bapa terabai / tidak mendapat kasih sayang. 1
 P3 Penglibatan orang muda dalam aktiviti kemasyarakatan kurang aktif. 1
 P4 Aktiviti keagamaan / kerohanian semakin suram / tidak disertai oleh orang muda. 1
 P5 Pelapis kepimpinan muda semakin kurang. 1
 P6 PKS dan industri desa / kegiatan ekonomi tidak dimajukan. 1
 (Kesan-kesan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Pengajaran dalam petikan

- P1 Kita hendaklah patuh pada ajaran agama agar hidup diberkati oleh Tuhan.
 Contoh : Nenek moyang menjadi hebat kerana berpegang pada agama yang berpaksikan akidah yang satu. [1+1]
- P2 Kita haruslah mendaulatkan bahasa ibunda agar perpaduan negara dapat dikekalkan.
 Contoh : Bahasa ibunda menjadi wacana penghubung semua rakyat pelbagai keturunan dan golongan. [1+1]
- P3 Kita perlulah menghayati sejarah agar dapat menerbitkan rasa patriotik dalam diri.
 Contoh : Saya / Mel cuba membandingkan sejarah silam dengan keadaan yang berlaku pada hari ini. [1+1]

[Lihat halaman sebelah]

Pengajaran dalam keseluruhan cerpen

- K1 Kita hendaklah mematuhi nasihat ibu bapa agar hidup lebih sejahtera.
Contoh : Saya/ Mel akur dengan nasihat ibunya untuk tidak berhijrah
ke kota selagi ilmu belum cukup di dada. [1+1]
- K2 Kita hendaklah amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang
diberi supaya kita mendapat kepercayaan orang lain.
Contoh : Saya / Mel telah melaksanakan amanah ibunya dengan [1+1]
menyerahkan buku-buku lama kepada Munsyi.
- K3 Kita hendaklah rajin membaca buku agar dapat meningkatkan
pengetahuan.
Contoh : Saya/ Mel telah membaca teks Sejarah Melayu dan Hikayat [1+1]
Hang Tuah milik ibunya.
(Pengajaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi (P+K)]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional**Markah****(i) Maksud rangkai kata ia sedia anak bendahara**

- | |
|--|
| P1 Sememangnya / sebenarnya Paduka Raja anak / anak kandung /
keturunan bendahara. 2 |
| P2 Paduka Raja ialah anak bendahara. 1 |
| P3 Dia / beliau sememangnya / sebenarnya anak / anak kandung /
keturunan bendahara. 1 |
| P4 Sememangnya / sebenarnya Paduka Raja darah daging bendahara. 0 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Orang bijaksana yang terdapat di dalam negeri-negeri yang dianggap berkuasa

- | |
|---|
| P1 di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada. 1 |
| P2 di Pasai, Orang Kaya Kanayan. 1 |
| P3 di Melaka, Bendahara Paduka Raja. 1 |

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

[Lihat halaman sebelah]

Ciri-ciri lain yang menunjukkan kegemilangan sesebuah negara

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | Kedudukan ekonomi yang kukuh dan stabil. | 1 |
| P2 | Perpaduan rakyat yang kukuh. | 1 |
| P3 | Pembangunan prasarana / infrastruktur / kemudahan yang memenuhi keperluan rakyat. | 1 |
| P4 | Keamanan dan keselamatan negara terjamin / terpelihara. | 1 |
| P5 | Kestabilan politik. | 1 |
| P6 | Kemewahan sumber bumi / kesuburan tanah. | 1 |
| P7 | Pembangunan rohani dan sahsiah yang seimbang. | 1 |
| P8 | Sistem pendidikan / kesihatan yang berkualiti / maju / moden. | 1 |
- (Ciri-ciri yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2(d) : Sajak **Markah****(i) Maksud baris 4 dan 5 dalam rangkap ketiga sajak**

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | Penyajak berharap / mendoakan anak-anaknya sama ada yang berbakti / baik atau yang telah melupakannya / tidak taat. | 1 |
| P2 | Berasa insaf / sedar akan kesilapan. | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Peranan pelbagai pihak untuk mencapai hasrat keluarga bahagia

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | Jiran mengambil tahu / prihatin akan kebajikan keluarga yang menghadapi musibah / masalah. | 1 |
| P2 | Kerajaan / NGO menganjurkan kursus / bengkel keibubapaan. | 1 |
| P3 | Kerajaan menyediakan penghargaan / anugerah kepada keluarga bahagia. | 1 |
| P4 | Media massa / media sosial mengadakan kempen / filem / iklan Sayangi Keluarga Anda, Yang Tua Dihormati, Yang Muda Disayangi, Utamakan Keluarga, drama Bisik pada Langit, filem Pulang. | 1 |
| P5 | Guru / sekolah menerapkan nilai kekeluargaan kepada murid. | 1 |
| P6 | Komuniti / masyarakat menganjurkan program hari keluarga. | 1 |
| P7 | LPPKN menyediakan modul pengurusan kerjaya dan keluarga kepada masyarakat. | 1 |
| P8 | Unit kaunseling / kaunselor / ahli agama / pakar motivasi memberi bimbingan / nasihat kepada keluarga yang menghadapi masalah. | 1 |
- (Peranan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

[Lihat halaman sebelah]

(iii) Dua persoalan yang terdapat dalam sajak

P1 Persoalan kesunyian hidup pada usia tua.

Huraian : Penyajak menghadapi kesunyian hidup kerana malam yang dilaluinya begitu sepi / ditinggalkan oleh anak-anaknya. [1+1]

P2 Persoalan kasih sayang ibu / keikhlasan seorang ibu.

Huraian : penyajak sentiasa mendoakan anak-anaknya insaf dan memberi kasih sayang kepadanya. [1+1]

P3 Persoalan nasib warga tua yang dipinggirkan oleh anak-anak.

Huraian : Penyajak berasa dirinya dipinggirkan oleh anak-anaknya kerana mereka tidak mahu menjaga dan saling menolak daripada memikul tanggungjawab. [1+1]

P4 Persoalan penderitaan ibu bapa yang diabaikan

Huraian : Penyajak menanggung penderitaan dan kesakitan seorang diri tanpa anak-anak di sisi. [1+1]

P5 Persoalan hidup dan mati ketentuan Tuhan

Huraian : Penyajak menyatakan bahawa tiada yang kekal di dunia ini kecuali Tuhan. [1+1]

(Persoalan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Isi tidak jelas, berikan $\frac{1}{2}$ markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

[6 markah]

Jawapan 3(a)

- (i) gemerlap
 - berkilat-kilat, berkilauan: *Pakaianya penuh bertabur dgn permata yg ~*
- (ii) gemuruh
 - berbunyi spt guruh (bunyi kapal terbang, air terjun, dll): *Rakyat Pasai pun keluarlah, ~ bunyinya*
 - berdebar-debar hati (kerana ketakutan, berasa sangat bimbang, dsb) agak gementar.
- (iii) keruping
 - selaput kering pada kudis atau luka, keropeng.
- (iv) seruling
 - sj alat bunyi-bunyian yang ditiup (drpd buluh dll)
- (v) telapak
 - tapak kaki, tapak tangan: *Dia meletakkan wang itu ke ~ tangannya.*
 - Lapisan yang tebal pd tayar basikal (kereta dll)
- (vi) telunjuk
 - *Jari ~ jari antara jari hantu dengan ibu jari: Tutup ketat-ketat lubang pam basikal itu dengan ~ tangan kiri.*
 - *ki perintah, kemahuan, suruhan: Orang-orang Belanda sangat pandai mengambil hati orang-orang besar kita yang mahu mengikut ~ nya*

[Lihat halaman sebelah

Jawapan 3(b)**Kata tanya yang betul**

- (i) **Berapakah** anak lelaki Encik Arsyad dan Puan Leila?
Berapa orangkah anak lelaki Encik Arsyad dan Puan Leila?
Anak lelaki Encik Arsyad dan Puan Leila **berapa orang?**
- (ii) **Mengapakah** latihan bola sepak pada petang ini terpaksa dibatalkan?
Latihan bola sepak pada petang ini terpaksa dibatalkan **mengapa?**
- (iii) **Di manakah** perkahwinan mereka akan diadakan?
Perkahwinan mereka akan diadakan **di mana?**
- (iv) **Bagaimakah** kuih baulu dihasilkan?
Kuih baulu dihasilkan **bagaimana?**
*Apakah cara menghasilkan kuih baulu? – 0 markah
*Kuih baulu dihasilkan dengan cara **apa?** – 0 markah
- (v) **Bilakah** kek yang ditempah sempena persaraan pengetua itu akan dihantar?
Kek yang ditempah sempena persaraan pengetua itu akan dihantar **bila?**
- (vi) **Apakah** punca yang menyebabkan gejala sosial dalam kalangan remaja?
Apakah punca gejala sosial dalam kalangan remaja?
Punca gejala sosial dalam kalangan remaja **apa?**

[6 markah]**Jawapan 3(c)****Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- | | | | |
|-------|--------------|---|--------------|
| (i) | taekwando | - | tae kwon do |
| | ujian | - | menguji |
| (ii) | tengkujoh | - | tengkujuh |
| | dapatkan | - | pendapatan |
| (iii) | resepi | - | resipi |
| | berkorbankan | - | mengorbankan |

[6 markah]*[Lihat halaman sebelah*

Jawapan 3(d)**Kesalahan kata atau istilah dan tatabahasa**

- | | | |
|----------------------|---|-------------------------|
| (i) yang mereka beli | - | yang dibeli oleh mereka |
| | - | diberikan / dihadiahkan |
| (ii) kolaborasi | - | kolaboratif |
| supaya | - | untuk / demi / bagi |
| (iii) peristiwa | - | perayaan / sambutan |
| bersama | - | bersama-sama |

[6 markah]**Jawapan 3(e)****Peribahasa**

- | | |
|---|---|
| (i) ular menyusur akar tidak akan / tiada akan / takkan hilang bisanya | 2 |
| (ii) carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga / jua
biduk lalu kiambang bertaut
air dicencang / dicincang takkan putus | 2 |
| (iii) seperti kacang lupakan kulit
lupa daratan | 2 |

[Maksimum : 6 markah]*Lihat halaman sebelah*

Soalan 4 : Novel

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa** pada bahagian peleraian yang betul/tepat.
- (iv) Beri 1 markah bagi setiap huraian / penjelasan / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa).
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
- | | | |
|-----------|---|----------|
| Baik | : | 3 markah |
| Sederhana | : | 2 markah |
| Lemah | : | 1 markah |
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah untuk satu **peristiwa daripada latar tempat** yang betul/ tepat.
- (iv) Beri 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap / jelas / tepat untuk peristiwa latar tempat.
- (v) Markah isi, maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap pernyataan latar tempat dan contoh peristiwa / huraian yang lengkap / betul / tepat)
- (vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
- | | | |
|-------|---|----------|
| Baik | : | 2 markah |
| Lemah | : | 1 markah |
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]*[Lihat halaman sebelah]*

4 (a) Dua peristiwa pada bahagian peleraian novel

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Peristiwa Jepun menyerah kalah.	Pada 15 Ogos 1945 Jepun telah menyerah kalah dengan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki.
	Peristiwa Sophia bertanggungjawab menyara anak-anaknya selepas kematian suaminya.	Sophia membesar anak-anaknya setelah kematian suaminya dengan mengerjakan sawah dan memotong getah sebelum berkhidmat semula sebagai guru di sekolah Sungai Ramal. Akhirnya Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka.
	Peristiwa Waheeda mendapatkan rawatan kaunseling.	Ghazi dan Raidah menemani Waheeda mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur. Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan chalet Iwana-Iwani milik pakcik Abdul Aziz yang terletak di Cameron Highland dengan menukar nama chalet tersebut kepada Aya-Sajina. Kebetulan Zahid dan Aiman menginap di Chalet tersebut, mereka sedang berehat dan bersempang tentang pelbagai perkara terutama perihal keinsafannya atas kesilapan masa silam.
Tirani	Peristiwa Zahid menyesal atas perbuatannya terhadap isterinya Waheeda.	Zahid menangis apabila memberitahu dan mengesahkan bahawa Izzati merupakan anak kandungnya dan Waheeda, insan yang dicarinya selama ini. Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan Izzati. Lais menenangkan Zahid dan Waheeda manakala Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bapanya, Zahid.
Jendela Menghadap Jalan	Peristiwa Kak Mimah mencadangkan Che Jah membuat laporan polis.	Che Jah bersetuju membuat laporan polis tentang keganasan yang telah dilakukan oleh suaminya Seman terhadap dirinya dan anak-anaknya. Akhirnya Seman berjaya ditangkap oleh penduduk kampung dan diserahkan kepada pihak polis. Hal ini supaya suaminya itu dapat dipulihkan.

[Lihat halaman sebelah

	Peristiwa datuk menceritakan rahsia jendela rumah yang menghadap jalan.	Datuk menjelaskan bahawa rekaan jendela dan pintu rumah ketika itu dibina menghadap ke jalan supaya senang untuk penduduk kampung mengintai pergerakan musuh / komunis yang datang ke kampung mereka.
Songket Berbenang Emas	Peristiwa Dahlia berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke Jepun.	Cikgu Daim telah datang ke rumah Embong untuk memberitahu bahawa Dahlia telah terpilih untuk mengikuti pengajian di salah sebuah universiti di Jepun selama empat tahun. Pemilihan Dahlia dibuat atas cadangan sekolahnya dan Jabatan Pelajaran Johor berdasarkan pencapaianya dalam peperiksaan. Sebelum bertolak ke Jepun Dahlia akan belajar bahasa Jepun di Universiti Malaya selama enam bulan.
	Peristiwa Azhari berjumpa Dahlia di stesen bas.	Azhari pergi berjumpa dengan Dahlia dan memberitahu punca kelewatananya kerana jurucakap majlis yang merupakan pakciknya lambat sampai. Sebelum menaiki bas, Azhari telah menghadiahkan sehelai songket berbenang emas berwarna merah kepada Dahlia. Azhari juga menyebut "Koi-bit" yang tidak diketahui maksudnya. Azhari meminta Dahlia agar menjaga jati diri sebagai orang Melayu walau berada di mana-mana pun.
Di Sebalik Dinara	Peristiwa Medina menyesal dengan perbuatannya.	Di rumah agam Karl di Puchong. Karl sedang nazak. Medina sangat terkejut dan menyesal kerana meninggalkan Karl. Setiap orang dibenarkan menemui Karl secara perseorangan. Medina menangis teresak-esak. Alia pula meraung. Sementara yang lain reda dengan situasi tersebut.
	Peristiwa Farisha bersedih atas kematian ayahnya.	Farisha berasa amat sedih setelah ayahnya, karl disahkan meninggal dunia pada jam 7.00 malam. Mayat Karl dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka.

[Lihat halaman sebelah]

Silir Daksina	Peristiwa Haikal pulang ke kampung untuk menjelaki sejarah hidup ayahnya.	Dengan bantuan Tauke Ong, See Hwa, Pak Cik Bakar dan Lazim, Haikal dapat menjelaki kisah kehidupan arwah ayahnya.
	Peristiwa penduduk kampung yang membuat persiapan untuk majlis persembahan tarian zapin.	Haikal dan kumpulan D'Purnama membuat latihan tarian zapin manakala penduduk kampung membantu membuat persiapan majlis zapin.
Pantai Kasih	Peristiwa Raiha membedah doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan.	Doktor Uwang telah merempuh tembok Pusat Rawatan Pantai Kasih yang mengakibatkan seluruh tubuhnya tidak dapat berfungsi dengan baik apabila tangannya berasa kebas dan lututnya kejang. Dia dikeluarkan dari kenderaan mewah yang dipandunya dengan bantuan pekerja-pekerja pusat rawatan tersebut dan Raihalah yang mengambil alih menyelematkan nyawanya dan melakukan pembedahan apabila didapati kecederaan teruk di bahagian pergelangan tangan dan lutut kaki yang hancur dan memerlukan penggantian sendi pada anggota tersebut.
	Peristiwa Felicia yang menyesal atas tindakannya menjadi budak suruhan.	Felicia Landosi memohon maaf daripada Raiha atas penglibatan dirinya menjadi budak suruhan membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz yang akhirnya berjaya menjelaki Raiha dan menjadi saksi apabila Doktor Sadiz melepaskan geram dengan membakar kereta itu sendiri. Dia sendiri terkejut apabila secara tiba-tiba anak Raiha muncul di situ dan langsung disambar api dan dia turut menyatakan bahawa sewaktu di mahkamah dia tidak tampil sebagai saksi kerana takut. Raiha akhirnya tersedar bahawa mereka ialah mangsa keadaan.

[Lihat halaman sebelah]

Bimasakti Menari	Peristiwa Tan Sri Muhammin dan Maryam Wickham mengambil keputusan untuk bernikah semula.	Majlis pernikahan Tan Sri Muhammin dan Maryam Wickham telah diadakan di Masjid Jamik Sultan Ibrahim Kuala Selangor. Nurul Hafsa, Haji Yassir dan Budiman menghadiri kenduri kesyukuran bagi meraikan pernikahan kali kedua Tan Sri Muhammin dan bekas isterinya.
	Peristiwa Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa bernikah semula.	Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nuru Hafsa. Dia telah mengembalikan selendang hitam manik kristal yang disimpannya semenjak hari pertama dia mengetahui Nurul Hafsa diculik. Muhammad Taufik menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa.
	Peristiwa Felicia yang menyesal atas tidakannya menjadi budak suruhan.	Akhirnya Felicia Landosi memohon maaf daripada Raiha atas penglibatan dirinya menjadi budak suruhan membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz yang akhirnya berjaya menjelaki Raiha dan menjadi saksi apabila Doktor Sadiz melepas geram dengan membakar kereta itu sendiri. Dia sendiri terkejut apabila secara tiba-tiba anak Raiha muncul di situ dan langsung disambar api dan dia turut menyatakan bahawa sewaktu di mahkamah dia tidak tampil sebagai saksi kerana takut. Raiha akhirnya tersedar bahawa mereka ialah mangsa keadaan.

[Lihat halaman sebelah]

4 (b) Satu peristiwa daripada latar tempat

Novel	Latar Tempat	Peristiwa (1m)	Huraian/ Contoh (2m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Bukit Candu	Peristiwa Leftenan Adnan terkorban.	Leftenan Adnan terkorban di Bukit Candu. Mayatnya digantung di dahan pokok ceri dengan kepalanya ke bawah dan ditikam bertalu-talu oleh tentera Jepun dengan bayonet sehingga hancur.
Tirani	Chalet Tajau Emas	Peristiwa monyet Belanda menyerang dan mencakar wajah Waheeda.	Muka Waheeda yang dicakar oleh monyet Belanda di Chalet Tajau Emas menyebabkannya terpaksa menjalani pembedahan plastik di bahagian muka.
Di Sebalik Dinara	Rumah agam Karl	Peristiwa perbincangan tentang projek mini Soft Lab.	Farisha dan Rosman dibawa oleh Aqram untuk bertemu Doktor Maxi bagi membincangkan projek mini Soft Lab di rumah agam Karl. Perbincangan berlaku melibatkan bidang tugas dan kos projek tersebut. Farisha terkejut dengan kos projek mini yang agak tinggi, iaitu RM1.5 juta.
Silir Daksa	Banglo umi dan walid	Peristiwa Haiqal dan umi bertengkar .	Haiqal menyatakan hasratnya untuk menjelaki arwah ayahnya di Batu Pahat, Johor. Umi menentang keras hasrat Haiqal dan menyatakan bahawa dia tidak akan memberikan wang perbelanjaan kepada Haiqal.
Jendela Menghadap Jalan	Pondok usang	Peristiwa Lili diculik dan disembunyikan di pondok usang.	Lili diculik oleh Rafiq dan Haziq dan disembunyikan di pondok usang. Lili diselamatkan oleh Danel pada waktu malam.
Songket Berbenang Emas	Sungai	Peristiwa Dahlia cuba menyelamatkan Said yang lemas di sungai.	Dahlia terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said. Walau bagaimanapun, usaha Dahlia gagal kerana Said telah pun meninggal dunia.

[Lihat halaman sebelah]

Pantai Kasih	Rumah tumpangan	Peristiwa kematian anak perempuan Doktor Raiha.	Doktor Raiha membawa anak perempuannya, Rohayu bermalam di rumah tumpangan ini selepas keluar dari rumah agam milik Doktor Sadiz. Tidak jauh dari rumah tumpangan ini, Rohayu rentung akibat kebakaran kereta Porsche milik mereka yang secara kebetulan berada di situ.
Bimasakti Menari	Balai Cerap Sultan Salahuddin	Peristiwa Nurul Hafsa berjanji untuk memulihkan keadaan yang berlaku di Balai Cerap Sultan Salahuddin.	Nurul Hafsa telah menanam azam dalam jiwa seterusnya berjanji kepada para pengunjung di Balai Cerap Sultan Salahuddin bahawa dia akan memulihkan kembali kawasan Kuala Selangor yang telah dicemari oleh pencemaran cahaya yang menyebabkan kekurangan kelip-kelip.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah
SULIT]